

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

### *Artikel 147*

Syarikat atau para pengarah bagi pihak Syarikat boleh melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan oleh peruntukan-peruntukan Akta berhubung dengan meterai rasmi untuk digunakan di luar negeri dan kuasa-kuasa yang diberikan melalui peruntukan-peruntukan Akta berhubung dengan penyimpanan Daftar Cawangan.

#### (iv) Perubahan dalam Modal atau Variasi Hak Kelas

Peruntukan Tataurusan Pertubuhan Syarikat berhubung dengan perubahan dalam modal atau variasi hak kelas, yang sama ketatnya seperti yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat, 1965 adalah seperti berikut:-

### *Artikel 62*

Syarikat boleh dari masa ke masa, sama ada kesemua saham yang pada masa ini dibenarkan telah diterbitkan atau kesemua saham yang pada masa ini diterbitkan telah dibayar penuh atau tidak, melalui resolusi biasa menambah modal sahamnya melalui pembentukan dan terbitan saham-saham baru, modal baru sedemikian dalam satu jumlah yang akan dibahagikan menjadi saham-saham dalam jumlah tertentu dan membawa hak-hak tertentu atau menjadi tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan berhubung dengan dividen, pulangan modal atau sebaliknya sebagaimana Syarikat boleh arahkan dalam resolusi yang membenarkan penambahan sedemikian.

### *Artikel 64*

#### (1) Syarikat boleh dari masa kemasa melalui resolusi biasa:-

- (a) menyatu dan membahagi keseniusa atau mana-mana daripada modal sahamnya menjadi saham-saham berjumlah lebih besar daripada saham-saham sedia adanya;
- (b) memecah bahagi saham-sahamnya atau mana-mana daripadanya menjadi saham-saham berjumlah lebih kecil daripada yang ditetapkan oleh Memorandum Pertubuhan (namun begitu tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta) dan agar dalam pemecahan bahagian perkadaran di antara jumlah yang dibayar dan jumlah (sekiranya ada) tidak dibayar ke atas setiap saham yang dikurangkan hendaklah sama seperti dengan dalam keadaan saham daripada mana saham dikurangkan diperolehi. Mana-mana resolusi di mana mana-mana saham dipecah bahagi mungkin tentukan bahawa di antara pemegang-pemegang saham akibat pemecahan bahagi sedenikian, satu atau lebih daripada saham sedemikian boleh mempunyai hak-hak keutamaan tertentu atau hak-hak khas lain ke atas, atau mungkin diberi apa-apa keutamaan atau kelebihan berhubung dengan dividen, pulangan modal, pengundian atau sebagainya ke atas saham-saham sedemikian yang lain;
- (c) membatal mana-mana saham yang pada tarikh kelulusan resolusi yang tidak diambil atau dipersebutui untuk diambil oleh mana-mana orang atau yang dikurangkan jumlah modal sahamnya dengan jumlah saham yang dibatalkan itu.

- (2) Syarikat boleh melalui resolusi khas mengurangkan modal sahamnya dan mana-mana dana rizab penebusan modal atau mana-mana akaun premium saham dalam apa-apa cara yang dibenarkan oleh Akta dan tertakluk kepada apa-apa kebenaran yang diperlukan oleh undang-undang

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

- (3) Apa-apa yang dilakukan selaras dengan kedua-kedua Artikel tersebut di atas hendaklah dilakukan dalam cara yang diperuntukan dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Akta, setakat mana ia adalah terpakai, dan, setakat mana yang ia tidak terpakai, selaras dengan termaterma resolusi membenarkan yang sama, dan setakat yang resolusi tersebut tidak terpakai, dalam cara tertentu sebagaimana para Pengarah anggap paling suai manfaat.

### 11.3 Para Pengarah dan Pemegang Saham Utama

- (i) Nama, alamat dan pekerjaan para Pengarah dinyatakan dalam Seksyen 2.0 Prospektus ini.
- (ii) Seorang pengarah tidak diperlukan untuk memegang apa-apa saham kelayakan dalam Syarikat melainkan sebaliknya ditetapkan oleh syarikat dalam mesyuarat agung.
- (iii) Tidak ada kontrak perkhidmatan sedia ada atau dicadangkan di antara para Pengarah dan Syarikat atau anak-anak syarikatnya.
- (iv) Tidak ada Pengarah, pegawai eksekutif kanan atau orang yang dicalonkan untuk menjadi Pengarah atau pegawai eksekutif kanan adalah atau telah terlibat dalam peristiwa-peristiwa berikut:-
  - (a) petisyen di bawah mana-mana undang-undang kebankrapan yang difaiklan terhadap orang sedemikian atau mana-mana perkongsian dalam mana beliau merupakan rakan kongsi atau mana-mana perbadanan yang beliau adalah seorang pegawai eksekutif;
  - (b) sabitan dalam prosiding jenayah atau subjek yang dinamakan dalam prosiding jenayah yang belum diputuskan; atau
  - (c) menjadi subjek mana-mana perintah, penghakiman atau keputusan mana-mana mahkamah, tribunal atau badan kerajaan yang mempunyai bidangkuasa kompeten melarang beliau secara kekal atau sementara daripada bertindak sebagai penasihat pelaburan, peniaga sekuriti, pengarah atau kakitangan institusi kewangan dan terlibat dalam mana-mana jenis amalan atau kegiatan perniagaan.
- (v) Tidak ada imbuhan yang telah dibayar kepada para Pengarah UDPB bagi tahun kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1999. Bagi tahun kewangan semasa akan berakhir 31 Mac 2000, anggaran jumlah imbuhan dan emolumen yang perlu dibayar kepada para Pengarah UDPB bagi khidmat-khidmat yang diberikan dalam semua keupayaan kepada Syarikat dan anak-anak-anak syarikatnya ialah RM214,000.
- (vi) Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah ini, tidak ada Pengarah atau pemegang saham utama mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tak langsung, dalam apa-apa perniagaan yang menjalankan perniagaan yang serupa dengan Syarikat dan anak-anak syarikatnya dan yang tidak disebut harga pada bursa yang diiktiraf:

<b>Nama Pengarah/pemegang saham utama UDPB</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Jenis Perniagaan</b>	<b>Jenis kepentingan</b>
(a) Tan Sri Ngan Ching Wen	Syarikat Chaya Muda Perak (Oil Mill) Sdn Bhd	Operasi kilang minyak sawit	Pengarah

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

Nama Pengarah/pemegang saham utama UDPB	Nama Syarikat	Jenis Perniagaan	Jenis kepentingan
	Syarikat Chaya Muda Perak Sdn Bhd	Penamaman kelapa sawit	Pengarah
	AGM Marketing Sdn Bhd	Penamaman kelapa sawit	Pengarah
	AGM Properties Sdn Bhd	Penamaman kelapa sawit	Pengarah
	Kheng Hooi Plantation Bhd	Penamaman kelapa sawit	Pengarah
	Linddale Sdn Bhd	Penamaman kelapa sawit	Pengarah
	Ngan Holdings Sdn Bhd	Penamaman kelapa sawit	Pengarah
(b) Yeo Kian Leng @ Yeoh Joo Chuan	Easpam Realty Sdn Bhd	Penamaman kelapa sawit	Pengarah

- (vii) Menururt Daftar Pemegang-pemegang Saham Utama UDPB pada 18 Februari 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum percetakan Prospektus ini), pemegang-pemegang saham utama UDPB dan kepentingan langsung dan tidak langsung dalam saham-saham Syarikat sebelum dan selepas Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan adalah seperti berikut:

Pemegang saham utama	Sebelum Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan				Selepas Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan			
	Bil. saham langsung	%	Bil. saham tak langsung	%	Bil. saham langsung	%	Bil. saham tak langsung	%
UHB	83,134,976	93.41	-	-	58,134,976	42.13	-	-

UHB pada dasarnya adalah syarikat pemegangan saham dan menyediakan khidmat pengurusan. Anak-anak syarikat UHB terlibat dalam penanaman kelapa sawit, pengilangan FFB, pemasaran, penghimpunan dan pemasangan dan keluaran elektronik. UHB telah diperbadankan di Malaysia pada 19 Oktober 1981. Modal saham diterbitkan dan berbayar ialah RM500,000,000 terdiri daripada 500,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan RM100,000,000 terdiri daripada 100,000,000 saham biasa masing-masing bernilai RM1.00 sesaham.

Pemegang saham utama UHB ialah Initio Sdn Bhd, syarikat pemegangan pelaburan yang memegang 2,251,996 saham biasa mewakili 2.25% modal saham UHB yang diterbitkan dan berbayar. Ia mempunyai lebih kurang 24,000 pemegang saham yang memegang tidak lebih daripada 5% modal saham yang diterbitkan dan berbayar dan dengan yang demikian, tidak ada satu orang yang mengawal syarikat.

Para Pengarah UHB dan kepentingan langsung dan tak langsung mereka masing-masing dan kepentingan langsung dan tak langsung mereka dalam UHB pada 18 Februari 2000 adalah seperti berikut:-

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

Nama	Warganegara	Bil. saham dipegang			
		Langsung	%	Tak Langsung	%
Dato' Lim Guan Teik	Malaysia	45,000	0.045	# 66,000	0.066
Tan Sri Ngan Ching Wen	Malaysia	109,000	0.109	* 1,416,059	1.716
Tan Sri Lim Geok Chan @	Malaysia	2,000	0.002	-	-
Lim Yock Ching					
Tan Sri Dato' Soong @	Malaysia	62,000	0.062	-	-
Soong Siew Hoong					
Dato' Seri Lim Gait Tong	Malaysia	16,000	0.016	-	-
En. Quek Chee Hiang @	Malaysia	24,000	0.024	-	-
Quek Suan Hiang					
En. Yeo Kian Leng @ Yeoh	Malaysia	20,000	0.020	^ 32,000	0.032
Joo Chuan					
En. Tan Kai Hee	Malaysia	84,000	0.084	@ 180,000	0.18
En. Mew Jin Seng	Malaysia	6,000	0.006	## 8,000	0.008
Dato' Lee Seng Cheng	Malaysia	123,000	0.123	-	-
Dato' Lee Choon @ Lee	Malaysia	66,001	0.066	-	-
Chun					
Dato' Chan Woot Khoon	Malaysia	13,000	0.013	-	-
En. Goh Ewe Boon @ Goh	Malaysia	16,000	0.016	** 22,000	0.022
Kok Kee					
En. Yap Fock On	Malaysia	17,000	0.017	^^ 600,000	0.600
En. Teo Siang Ann	Malaysia	38,000	0.038	-	-
En. Lai Swee Sang @ Lai	Malaysia	10,000	0.010	-	-
Swee Chin					
En. Khor Mooi	Malaysia	10,000	0.010	-	-
En. Goh Chor Jim	Malaysia	3,000	0.003	-	-
En. Lee Khim Sin	Malaysia	-	-	-	-
Dato' Tok Teng Sai	Malaysia	6,000	0.006	-	-
Dato' Lim Sing @ Lam Kam	Malaysia	-	-	-	-
Sang					
Dato' Tan Kim Chong	Malaysia	2,000	0.002	-	-
En. Tan Huat Sheng	Malaysia	17,074	0.017	-	-
Dato' Tai Ah Kau @ Tai	Malaysia	-	-	-	-
Swee Yin					
En. Yap Kian Chiaw	Malaysia	33,000	0.033	-	-
En. Teoh Kok Liang	Malaysia	15,000	0.015	-	-
En. Tiong Su Kouk	Malaysia	-	-	-	-
En. Tan Nook	Malaysia	-	-	-	-
Dato' Low Nam Hui	Malaysia	-	-	@@ 100,002	0.100

# Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan anak-anak beliau.

\* Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan isteri dan anak-anak beliau.

^ Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan anak-anak beliau

@ Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan utama beliau dalam Hai-O Properties Sdn Bhd, syarikat pemegangan pelaburan

## Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan isteri beliau

\*\* Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan utama beliau dalam Tong Bee (Import &amp; Export) Sdn Bhd, sebuah syarikat perniagaan

^^ Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan utama beliau dalam Maju Rakyat Sdn Bhd, pemaju harta

@@ Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan utama beliau dalam Low Nam Hui &amp; Sons Sdn Bhd, syarikat pemegangan pelaburan

- (viii) Berdasarkan Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah pada 18 Februari 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum Prospektus ini dicetak), para Pengarah UDPB dan kepentingan langsung dan tak langsung mereka dalam saham-saham Syarikat sebelum dan selepas Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan adalah seperti berikut:-

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

Pengarah	Sebelum Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan				Selepas Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan			
	Bil. saham langsung	%	Bil. saham tak langsung	%	Bil. saham langsung	%	Bil. saham tak langsung	%
Tan Sri Ngan Ching Wen	304,981	0.34	-	-	332,231	0.24	*429,015	0.31
Tan Sri Dato' Soong @ Soong Siew Hoong	140,761	0.16	-	-	156,261	0.11	-	-
Dato' Lee Seng Cheng	140,761	0.16	-	-	171,511	0.12	-	-
Dato' Lee Choon @ Lee Chun	140,761	0.16	-	-	157,261	0.11	**13,750	0.010
Yeo Kian Leng @ Yeoh Joo Chuan	140,761	0.16	-	-	145,761	0.11	@8,000	0.006
Mew Jin Seng	140,761	0.16	-	-	142,261	0.10	#2,000	0.001
Dr Yeong Cheong Thye @ Yeong Yue Chai	-	-	-	-	-	-	^94,500	0.070
Teoh Hock Chai @ Tew Hock Chai	-	-	-	-	500	-	-	-

\* Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan isteri dan anak-anak beliau dalam UHB

@ Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan pemegangan isteri dan anak-anak beliau dalam UHB

# Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan isteri beliau dalam UHB

^ Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan saham utamanya dalam Amity Corporation Sdn Bhd

\*\* Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan saham utamanya dalam Palar Sdn Bhd

(ix) Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada para Pengarah atau pakar mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam penganjuran atau dalam mana-mana aset yang telah, dalam masa dua (2) tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini, telah dibeli atau dicadang untuk dibeli atau dilupuskan atau dicadang untuk dilupuskan atau dipajak atau dicadang untuk dipajak kepada Syarikat atau anak-anak syarikatnya atau mana-mana kontrak atau pengaturan yang wujud pada tarikh Prospektus ini yang penting berhubung dengan perniagaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang diambil secara keseluruhan. Pada 8 Februari 2000, UDPB telah menyelesaikan pengambilalihan yang berikut:-

(a) keseluruhan modal saham UOMSB yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 6,500,000 saham bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian sebanyak RM14,653,433 yang dijelaskan melalui terbitan 543,323 Saham baru dalam UDPB dinilaikan pada RM26.97 setiap saham;

(b) keseluruhan modal saham UCorp yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 2,000,000 saham bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian RM33,341,292 yang dijelaskan melalui terbitan 1,236,236 Saham baru dalam UDPB dinilaikan pada RM26.97 setiap saham; dan

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

- (c) keseluruhan modal saham UPSB yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 1,528,541 saham bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian berjumlah RM1,184,174 dijelaskan melalui terbitan 43,907 Saham baru dalam UDPB dinilai pada RM26.97setiap saham.

Kepentingan para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama Syarikat dalam urusniaga tersebut di atas adalah seperti berikut:-

Nama	Jenis Kepentingan
Tan Sri Ngan Ching Wen	Pengarah UOMSB, UCorp dan UPSB. Beliau juga adalah pengarah UHB yang merupakan penjual UOMSB, Ucorp dan UPSB.
Tan Sri Dato' Soong @ Soong Siew Hoong	Pengarah UOMSB, UCorp dan UPSB. Beliau juga adalah pengarah UHB yang merupakan penjual UOMSB, Ucorp dan UPSB.
Dato' Lee Seng Cheng	Pengarah UOMSB, UCorp dan UPSB. Beliau juga adalah pengarah UHB yang merupakan penjual UOMSB, Ucorp dan UPSB.
Dato' Lee Choon @ Lee Chun	Pengarah UOMSB, UCorp dan UPSB. Beliau juga adalah pengarah UHB yang merupakan penjual UOMSB, Ucorp dan UPSB.
Yeo Kian Leng @ Yeoh Joo Chuan	Pengarah UOMSB, UCorp dan UPSB. Beliau juga adalah pengarah UHB yang merupakan penjual UOMSB, UCorp dan UPSB.
Mew Jin Seng	Pengarah UOMSB, UCorp dan UPSB. Beliau juga adalah pengarah UHB yang merupakan penjual UOMSB, UCorp dan UPSB.

### 11.4 Am

- (i) Jenis perniagaan Kumpulan dan nama semua perbadanan yang dianggap berhubung kait dengan Syarikat selaras dengan Seksyen 6 Akta Syarikat 1965 dinyatakan dalam Seksyen 6 Prospektus ini.
- (ii) Masa pembukaan Senarai Permohonan dinyatakan dalam Seksyen 12.3.2 Prospektus ini.
- (iii) Jumlah perlu dibayar penuh semasa permohonan ialah RM1.50 setiap Saham.
- (iv)
  - (1) Yuran taja jamin yang perlu dibayar oleh Syarikat kepada Pengurus Penaja Jamin dan Penaja-penaja Jamin dinyatakan dalam bahagian "Maklumat Korporat" Prospektus ini pada kadar 1.75% daripada harga Terbitan Awam/ Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham ke atas 23,361,479 Saham terdiri daripada 6,854,000 Saham Terbitan Awam, 746,000 Saham yang akan ditawarkan kepada kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak dan 15,761,479 Saham Tawaran yang akan ditawarkan kepada Pemegang Saham UHB Yang Berhak, yang ditaja jamin;

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

- (2) Pembrokeran pada kadar 1.0% daripada harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan bernilai RM1.50 setiap saham perlu dibayar oleh Syarikat dan Penawar berhubung dengan permohonan berjaya yang mempunyai cop Arab-Malaysian, sayarikat ahli BSKL, ahli Persatuan Bank-bank Saudagar di Malaysia, ahli Persatuan Bank-bank di Malaysia atau MII; dan
- (3) Perbelanjaan sampingan kepada penyenaraian dan sebut harga keseluruhan modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar berjumlah lebih kurang RM1,500,000 akan ditanggung oleh Syarikat.
- (v) Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (iv) tidak ada komisyen, diskauun, pembrokeran atau terma-terma khas lain telah dibayar, diberikan atau perlu dibayar oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya dalam masa dua (2) tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini bagi melanggan atau bersetuju untuk melanggan atau mengusahakan atau bersetuju untuk mengusahakan langganan bagi mana-mana saham atau debentur Syarikat atau anak-anak syarikatnya atau berhubung dengan terbitan atau jualan mana-mana modal Syarikat atau mana-mana daripada anak-anak syarikatnya dan tidak ada Pengarah, Pengarah dicadangkan, penganjur atau pakar adalah atau berhak untuk menerima apa-apa bayaran sedemikian.
- (vi) Tiada jumlah atau faedah telah dibayar atau diberi dalam masa dua (2) tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini, tidak juga dihasratkan untuk dibayar atau diberi, kepada mana-mana penganjur.
- (vii) Kumpulan UDPE belum lagi menujuhkan tempat perniagaan di luar Malaysia.
- (viii) Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 1.5 dan Seksyen 5 Prospektus ini, para Pengarah tidak menyedari apa-apa maklumat material termasuk faktor-faktor perniagaan atau risiko-risiko yang tidak disebut di bahagian lain dalam Prospektus ini yang tidak mungkin diketahui atau dijangka oleh orang awam dan yang mungkin secara material menjelaskan keuntungan Kumpulan.
- (ix) Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini dalam Seksyen 1.5, kedudukan kewangan dan operasi Kumpulan tidak terjejas oleh mana-mana daripada yang berikut:-
- (a) Arah aliran atau permintaan yang diketahui, komitmen, kejadian atau ketidakpastian yang akan menyebabkan atau secara munasabahnya boleh menyebabkan kecairan dalam Kumpulan bertambah atau berkurangan dalam apa-apa cara yang material;
- (b) Komitmen material untuk perbelanjaan modal;
- (c) Kejadian atau urusniaga atau perubahan ekonomi luar biasa atau jarang-jarang berlaku yang secara material menjelaskan jumlah pendapatan dilaporkan daripada operasi; dan
- (d) Arah aliran atau ketidakpastian yang diketahui yang telah atau yang akan mempunyai kesan material menguntungkan atau merugikan ke atas perolehan atau pendapatan operasi Kumpulan; dan
- Setakat yang para Pengarah sedari dan melainkan sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini, Kumpulan tidak terdedah kepada apa-apa faktor atau peristiwa daripada jenis khusus selain daripada risiko komersil biasa yang dialami semasa perjalanan biasa perniagaan.
- (x) Pada tarikh Prospektus ini, Syarikat dan anak-anak syarikatnya tidak mempunyai apa-apa sekuriti hutang boleh tukar.

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

- (xi) Selain daripada 746,000 saham yang dirizabkan bagi kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak selaras dengan Prospektus ini, pada masa ini tidak ada skim lain yang melibatkan kakitangan atau para Pengarah dalam modal Syarikat dan anak-anak syarikatnya pada tarikh Prospektus ini.
- (xii) Nama dan alamat Juruaudit dan Akauntan Melapor Syarikat adalah sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2.0 Prospektus ini.
- (xiii) Cara dalam mana salinan-salinan Prospektus ini bersama-sama dengan Borang Permohonan rasmi dan sampul surat boleh diperolehi dinyatakan dalam Seksyen 12.0 Prospektus ini.

### 11.5 Kontrak Material

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada kontrak yang adalah atau mungkin material (bukan merupakan kontrak yang dimasuki dalam perjalanan biasa perniagaan) yang telah dimasuki oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya dalam masa dua (2) tahun sebaik sahaja sebelum tarikh Prospektus ini:-

- (i) Perjanjian Taja Jamin bertarikh 18 Februari 2000 di antara Syarikat dan Pengurus Penaja Jamin dan Penaja-penaja Jamin bagi menaja jamin sehingga 7,600,000 Saham terdiri daripada 6,854,000 Saham Terbitan Awam dan 746,000 Saham untuk ditawarkan kepada kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak, bagi komisyen taja jamin sebanyak 1.75% daripada harga Terbitan Awam RM1.50 setiap saham.
- (ii) Perjanjian Taja Jamin bertarikh 23 Februari 2000 di antara Penawar dan Pengurus Penaja Jamin dan RHB Sakura Merchant Bankers Berhad bagi menaja jamin sehingga 15,761,479 Saham Tawaran yang akan ditawarkan kepada Pemegang Saham UHB Yang Berhak bagi komisyen taja jamin sebanyak 1.75% daripada harga Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham.
- (iii) Perjanjian jual beli saham bersyarat bertarikh 12 Oktober 1999 berhubung dengan pengambilalihan yang berikut pengambilalihan daripada UHB :-
  - Pengambilalihan keseluruhan modal saham UOMSB yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 6,500,000 Saham oleh UDPB bagi balasan pembelian sebanyak RM14,653,433 yang dijelaskan melalui terbitan 543,323 Saham baru UDPB yang dikreditkan sebagai berbayar penuh;
  - pengambilalihan keseluruhan modal saham UCorp yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 2,000,000 Saham oleh UDPB untuk balasan pembelian sebanyak RM33,341,292 dijelaskan melalui terbitan 1,236,236 Saham baru dalam UDPB dikreditkan sebagai berbayar penuh; dan
  - pengambilalihan keseluruhan modal saham UPSB yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 1,528,541 Saham oleh UDPB untuk balasan pembelian sebanyak RM1,184,174 dijelaskan melalui terbitan 43,907 Saham baru dalam UDPB dikreditkan sebagai berbayar penuh.

Pengambilalihan telah selesai dilaksanakan pada 8 Februari 2000.

- (iii) Perjanjian jual beli saham bersyarat bertarikh 6 Mac 1998 berhubung dengan pengambilalihan keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan berbayar lima (5) syarikat oleh UCorp daripada Lion Plantations, iaitu Fasgro, Segaco, Supercrop, Tutico dan Topcrop bagi jumlah balasan tunai sebanyak RM19,165,076. Pengambilalihan telah disiapkan pada 1 Julai 1998.

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

- (iv) Perjanjian jual beli saham bersyarat bertarikh 3 September 1998 berhubung dengan pengambilalihan keseluruhan modal saham Zuba yang diterbitkan dan berbayar oleh UCorp daripada Lam Soei Tin @ Agnes Lam dan Goei Hoei Eng @ Ngai May Way bagi balasan tunai sebanyak RM13,463,280. Pengambilalihan telah selesai dilaksanakan pada 31 Disember 1998.

### 11.6 Pengambilalihan Awam

Dalam tahun kewangan yang lepas dan tahun kewangan semasa, tidak terdapat :-

- (i) tawaran pengambilalihan awam oleh pihak ketiga berhubung dengan saham-saham Syarikat dan anak-anak syarikatnya.
- (ii) tawaran pengambilalihan awam oleh Kumpulan UDPB berhubung dengan saham-saham syarikat lain.

### 11.7 Litigasi Material

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, sama ada UDPB mahu pun mana-mana daripada anak-anak syarikatnya terlibat dalam apa-apa litigasi material, sama ada sebagai plaintif atau defendant dan para Pengarah tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenai apa-apa prosiding yang belum diputuskan atau diancam atau sebarang fakta yang berkemungkinan secara material menimbulkan sebarang prosiding yang mungkin secara material dan kurang baik menjelaskan kedudukan kewangan atau perniagaan Syarikat atau anak-anak syarikatnya.

- (i) Kontrak bagi pembinaan enam (6) unit banglo pengurus, lapan (8) blok banglo penolong pengurus dan enam belas (16) blok kuarters pekerja telah diberikan kepada kontraktor pembinaan, Syarikat Yung Lee Construction pada 3 Ogos 1995 bagi jumlah sebanyak RM6.775 Juta. Disebabkan oleh kegagalan untuk menyiapkan kontrak dalam tempoh masa yang ditetapkan, UDPB kemudiannya telah menamatkan kontrak tersebut. Akibat daripadanya, kontraktor telah memfailkan tindakan undang-undang pada 6 Julai 1999 terhadap UDPB dengan menuntut ganti rugi sebanyak RM3.795 Juta. Nasihat undang-undang telah diperoleh mengenai perkara ini pada 6 September 1999 di mana diberi pandangan bahawa kontraktor tidak mempunyai alasan nyata bagi tindakan undang-undang. Dalam nasihat yang sama, Syarikat dikatakan mempunyai alasan yang sah untuk menuntut balas tindakan undang-undang kontraktor. Akibat daripadanya satu penyata pembelaan telah difailkan oleh Syarikat pada 11 September 1999. Namun demikian, tarikh bagi pendengaran masih belum ditetapkan lagi.

### 11.8 Kebenaran

- (i) Kebenaran bertulis Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin, Penaja-penaja Jamin, Peguamcara, Jurubank Utama, Setiausaha Syarikat, dan Rumah Terbitan kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama-nama mereka dalam bentuk dan konteks dalam mana nama-nama mereka kelihatan telah diberi sebelum Prospektus ini dikeluarkan dan selepas itu telah ditarik balik.
- (ii) Kebenaran Juruaudit dan Akauntan Melapor kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama-nama mereka, Laporan Akauntan, dan surat-surat mereka berhubung dengan Anggaran dan Ramalan Keuntungan bagi tahun kewangan masing-masing akan berakhir 31 Mac 2000 dan 31 Mac 2001 dan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan dalam bentuk dan konteks dalam mana ia terkandung dalam Prospektus ini telah diberi sebelum Prospektus ini dikeluarkan dan selepas itu telah ditarik balik.

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

- (iii) Kebenaran bertulis Jurunilai kepada kemasukan dalam Prospektus ini akan nama-nama mereka dan surat-surat berhubung dengan nilai harta yang dimiliki oleh Kumpulan UDPB dan dalam bentuk dan konteks dalam mana ia kelihatan telah diberi sebelum Prospektus ini dikeluarkan dan selepas itu telah tidak ditarik balik.

### 11.9 Dokumen untuk Pemeriksaan

Salinan dokumen-dokumen berikut boleh diperiksa dipejabat berdaftar Syarikat dalam waktu pejabat bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh Prospektus ini:-

- (i) Memordanum dan Tataurusan Pertubuhan UDPB dan anak-anak syarikatnya;
- (ii) Laporan Pengarah dan Akauntan Melapor sebagaimana dimasukkan di dalam Prospektus ini;
- (iii) Surat-surat Juruaudit berhubung dengan Anggaran dan Ramalan Keuntungan bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Mac 2000 dan 31 Mac 2001 dan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan sebagaimana dimasukkan dalam Prospektus ini;
- (iv) Kontrak-kontrak material yang dirujuk dalam Seksyen 11.5 Prospektus ini;
- (v) Writ litigasi yang dirujuk dalam Seksyen 11.7 Prospektus ini;
- (vi) Surat-surat kebenaran yang dirujuk dalam Seksyen 11.8 Prospektus ini;
- (vii) Akaun-akaun teraudit UDPB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (viii) Akaun-akaun teraudit UOMSB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (ix) Akaun-akaun teraudit UCorp bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (x) Akaun-akaun teraudit UPSB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xi) Akaun-akaun teraudit Esteemplan bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xii) Akaun-akaun teraudit Jimery bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xiii) Akaun-akaun teraudit Lajung Kelapa Sawit bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xiv) Akaun-akaun teraudit Kesan Jaya bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xv) Akaun-akaun teraudit Puuvun bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xvi) Akaun-akaun teraudit Builtec bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xvii) Akaun-akaun teraudit Mautas bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xviii) Akaun-akaun teraudit Marga Jaya bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;

## 11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM (SAMB)

- (xix) Akaun-akaun teraudit Tekad Murni bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xx) Akaun-akaun teraudit Sri Kundasang bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxi) Akaun-akaun teraudit Zutaland bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxii) Akaun-akaun teraudit Longlive bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxiii) Akaun-akaun teraudit Fasgro bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1998, tempoh sembilan (9) bulan berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxiv) Akaun-akaun teraudit Segaco bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1998, tempoh sembilan (9) bulan berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxv) Akaun-akaun teraudit Supercrop bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1998, tempoh sembilan (9) bulan berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxvi) Akaun-akaun teraudit Tutico bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1998, tempoh sembilan (9) bulan berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxvii) Akaun-akaun teraudit Topcrop bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1998, tempoh sembilan (9) bulan berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999;
- (xxviii) Akaun-akaun teraudit Zuba bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Disember 1998 dan tempoh tempoh lapan (8) bulan berakhir 31 Ogos 1999; dan
- (xxix) Laporan Penilaian dan surat-surat daripada CH Williams Talhar & Wong (Sabah) Sdn Bhd yang dirujuk dalam Seksyen 9 Prospektus ini.

### 11.10 Tanggungjawab

- (i) Arab-Malaysian mengakui bahawa setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaiknya, Prospektus ini mengandungi pendedahan sepenuhnya dan sebenarnya akan semua fakta material mengenai Tawaran untuk Jualan, Terbitan Awam dan Kumpulan, dan berpuashati bahawa anggaran dan ramalan keuntungan disatukan bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Mac 2000 dan 31 Mac 2001 untuk yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya telah dinyatakan oleh para Pengarah Syarikat selepas pertanyaan rapi dan berhati-hati.
- (ii) Prospektus ini telah dilihat dan diluluskan oleh para Pengarah Syarikat dan Penawar dan mereka secara bersama-sama dan berasingan menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi ketepatan maklumat yang diberikan dan mengesahkan bahawa selepas membuat semua pertanyaan munasabah dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, tidak terdapat fakta-fakta lain yang peninggalannya akan membuat apa-apa kenyataan dalam Prospektus ini mengelirukan.

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

### 12.1 Borang-borang Permohonan

Borang-borang Permohonan yang berkaitan berikut dikeluarkan bersama dengan Prospektus ini dan dianggap membentuk sebahagian daripadanya:-

- (a) Borang-borang Permohonan **Biru** untuk permohonan oleh Pemegang-pemegang Saham UHB yang Berhak;
- (b) Borang-borang Permohonan **Merah Jambu** untuk permohonan oleh kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak;
- (c) Borang-borang Permohonan **Putih** untuk permohonan oleh orang-orang awam, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi Malaysia.

Salinan Prospektus ini bersama dengan Borang-borang Permohonan Putih boleh didapati, tertakluk kepada ketersediaan, daripada Arab-Malaysian, syarikat-syarikat ahli BSKL, ahli-ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli-ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia atau MIH.

### 12.2 Terma-terma dan Syarat-syarat bagi Permohonan Mengguna Borang-borang Permohonan

Permohonan melalui Borang-borang Permohonan hanya boleh dibuat pada, dan tertakluk kepada, terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di bawah:-

- (1) Permohonan hendaklah dibuat dibuat berhubung dengan dan tertakluk kepada terma-terma Prospektus ini dan Memorandum dan Tataurus Pertubuhan Syarikat.
- (2) Permohonan bagi Saham Terbitan Awam dan Saham Tawaran hendaklah dibuat pada Borang-borang Permohonan yang dikeluarkan bersama dengan Prospektus ini dan hendaklah dilengkapkan selaras dengan Nota-nota dan Arahan-arahan yang dicetak di bahagian belakang Borang Permohonan dan Prospektus ini. Selaras dengan Seksyen 37 (1) Akta Syarikat 1965, Borang-borang Permohonan bersama dengan Nota-nota dan Arahan-arahan yang dicetak di dalamnya akan menjadi bahagian penting Prospektus ini. Permohonan yang tidak MEMATUHI terma-terma Prospektus atau Borang-borang Permohonan atau Nota-nota dan Arahan-arahan yang dicetak di dalamnya atau yang tidak dapat dibaca tidak akan diterima.
- (3) SETIAP BORANG PERMOHONAN YANG TELAH DILENGKAPKAN HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN KIRIMAN WANG DALAM RINGGIT MALAYSIA BAGI JUMLAH PENUH PERLU DIBAYAR MELALUI:-
  - (A) DRAF JURUBANK ATAU PERINTAH JURUWANG YANG DIBELI DALAM MALAYSIA SAHAJA DAN DIKELUARKAN KE ATAS SEBUAH BANK DI KUALA LUMPUR (DIBEZAKAN DENGAN JALUR MERAH KHAS UNTUK PEMOHON-PEMOHON BUMIPUTERA); ATAU
  - (B) CEK-CEK YANG DIKELUARKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN BERLESEN DI MALAYSIA YANG MENYERTAI DAN DIKELUARKAN KE ATAS SEBUAH BANK DI KUALA LUMPUR (DIBEZAKAN DENGAN JALUR MERAH KHAS UNTUK PEMOHON-PEMOHON BUMIPUTERA); ATAU
  - (C) KIRIMAN WANG (UNTUK PEMOHON-PEMOHON DARI SABAH DAN SARAWAK SAHAJA); ATAU

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

- (D) PERINTAH GIRO DIJAMIN (GGO) DARIPADA BANK SIMPANAN NASIONAL (DIBEZAKAN DENGAN JALUR MERAH KHAS UNTUK PEMOHON-PEMOHON BUMIPUTERA); ATAU
- (E) PENYATA ATM DIPEROLEH DARIPADA:-
- ARAB-MALAYSIAN BANK BERHAD (295576-U);
  - ARAB-MALAYSIAN FINANCE BERHAD (5493-X);
  - ASIA COMMERCIAL FINANCE (M) BERHAD (6521-U);
  - BAN HIN LEE BANK BERHAD (1147-M);
  - BSN COMMERCIAL BANK (MALAYSIA) BERHAD (23877-T);
  - BUMIPUTRA-COMMERCE BANK BERHAD (13491-P);
  - BANK UTAMA (MALAYSIA) BERHAD (27714-A);
  - CREDIT CORPORATION MALAYSIA BERHAD 5023-H);
  - EON BANK BERHAD (92351-V);
  - EON FINANCE BERHAD (9692-K);
  - HOCK HUA BANK BERHAD (111501-D);
  - HONG LEONG FINANCE BERHAD (7797-V);
  - HONG LEONG BANK BERHAD (97141-X);
  - INTERNATIONAL BANK MALAYSIA BERHAD (22761-U)  
*{dahulunya dikenali sebagai Hock Hua (Sabah) Berhad};*
  - HOCK HUA FINANCE CORPORATION BERHAD (9010-H);
  - MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K);
  - MAYBAN FINANCE BERHAD (3905-T);
  - MBF FINANCE BERHAD (8515-D);
  - MULTI-PURPOSE BANK BERHAD (88103-W);
  - ORIENTAL BANK BERHAD (845-W);
  - ORIENTAL FINANCE BERHAD (50555-A);
  - PHILEO ALLIED BANK (MALAYSIA) BERHAD (306350-K);
  - PUBLIC BANK BERHAD (6463-H);
  - PUBLIC FINANCE BERHAD (6471-U);
  - RHB BANK BERHAD (6171-M);
  - SABAH BANK BERHAD (45788-D);
  - SIME BANK BERHAD (5024-T);
  - THE PACIFIC BANK BERHAD (5024-T); ATAU
  - UNITED MERCHANT FINANCE BERHAD (3838-T).

**(HANYA TERPAKAI UNTUK PERMOHONAN BAGI SAHAM TERBITAN)**

BERHUBUNG DENGAN SAHAM TERBITAN AWAM, BAYARAN HENDAKLAH DIBUAT ATAS NAMA "MIH SHARE ISSUE ACCOUNT NO. 166" DIPALANG "AKAUN PENERIMA SAHAJA" (TIDAK TERMASUK PENYATA ATM).

BERHUBUNG DENGAN SAHAM TAWARAN, BAYARAN HENDAKLAH DIBUAT ATAS NAMA "UHB-OFFER FOR SALE A/C" DAN DIPALANG "AKAUN PENERIMA SAHAJA".

PERMOHONAN YANG DISERTAI DENGAN MANA-MANA CARA PEMBAYARAN SELAIN DARIPADA YANG DINYATAKAN DI ATAS ATAU DENGAN BAYARAN YANG BERLEBIHAN ATAU BERKURANGAN TIDAK AKAN DITERIMA. BUTIR-BUTIR BAYARAN HENDAKLAH DIISI DALAM KOTAK-KOTAK BERKENaan YANG DISEDIAKAN PADA BORANG PERMOHONAN.

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

- (4) PEMOHON HENDAKLAH MENYATAKAN NOMBOR AKAUN CDS DALAM RUANG YANG DISEDIAKAN DALAM BORANG PERMOHONAN SEKIRANYA BELIAU MEMPUNYAI AKAUN SEDEMIKIAN, DI MANA PEMOHON BELUM LAGI MEMPUNYAI AKAUN CDS, BELIAU HENDAKLAH MENYATAKAN DALAM BORANG PERMOHONAN KOD ADA PILIHANNYA.
- (5) NAMA DAN ALAMAT PEMOHON (SAMA SEPERTI YANG DINYATAKAN PADA BORANG PERMOHONAN) HENDAKLAH DITULIS PADA BAHAGIAN BELAKANG BANK DRAF, PERINTAH JURUWANG, PENYATA ATM, KIRIMAN WANG, CEK-CEK YANG DIKELUARKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN BERLESEN YANG MENYERTAI ATAU PERINTAH GIRO DIJAMIN (GGO) DARIPADA BANK SIMPANAN NASIONAL.
- (6) Para Pengarah UDPB dan Penawar merizabkan hak untuk memerlukan mana-mana pemohon bagi Saham Terbitan Awam yang berjaya dan Pemegang Saham Berhak untuk tampil secara sendiri di pajabat berdaftar MIH atau Pendaftar UHB dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis yang dikeluarkan kepada beliau untuk memastikan keteraturan dan keempunyaian permohonan. Para Pengarah UDPB dan Penawar tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau ketakterimaan notis tersebut tidak juga mereka perlu mengakaunkan bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh pemohon yang berjaya bagi tujuan mematuhi peruntukan ini.
- (7) Para Pengarah UDPB dan Penawar merizabkan hak untuk menolak permohonan yang tidak mematuhi arahan-arahan ini atau yang tidak dapat dibaca atau yang disertakan dengan bayaran yang tidak dibuat dengan teratur.
- (8) SILA RUJUKKAN KESEMUA SOALAN BERHUBUNG DENGAN BORANG PERMOHONAN BAGI SAHAM TERBITAN AWAM DAN SAHAM TAWARAN MASING-MASING KEPADA MIH DAN PENDAFTAR UHB.

### 12.3 Tatacara Am untuk Permohonan

#### 12.3.1 Permohonan Bagi Saham Tawaran

**Permohonan bagi Saham Tawaran hanya terpakai kepada Pemegang Saham UHB Yang Berhak dan TIDAK terpakai kepada pemohon awam Malaysia.**

##### (i) Permohonan oleh Pemegang Saham UHB Yang Berhak

Permohonan bagi 25,000,000 Saham Tawaran dirizabkan untuk Pemegang Saham UHB yang Berhak hendaklah dibuat **hanya** pada Borang-borang Permohonan **Biru** khas yang disediakan dan tidak pada mana-mana Borang Permohonan lain tidak juga melalui Permohonan Saham Elektronik. Borang Permohonan Biru akan dihantar oleh Pendaftar UHB kepada Pemegang Saham UHB yang Berhak yang nama mereka dipaparkan pada Pendaftar Ahli UHB pada jam 5.00 petang pada 22 Februari 2000.

Dalam menentukan Pemegang Saham Yang Berhak kepada Tawaran untuk Jualan, keberhakan pecahan yang tidak diambil atau diperuntukan bagi sebarang alasan akan disediakan untuk permohonan di bawah permohonan saham lebihan.

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

Setiap Pemegang Saham UHB yang Berhak hanya layak untuk satu (1) Borang Permohonan Biru sahaja dan akan berhak untuk memohon bagi satu (1) Saham UDPB untuk setiap empat (4) saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 yang dipegang dalam UHB pada tarikh keberhakan.

### (ii) Penerimaan dan Pembayaran

Setiap Pemegang Saham Yang Berhak yang berhasrat untuk menerima Saham Tawaran yang diperuntukkan secara sementara kepada beliau hendaklah melengkapkan Borang Penerimaan (BORANG A) Borang Permohonan Biru.

Borang-borang Permohonan Biru yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar melalui **POS BIASA** dengan sampul surat beralamat sendiri yang disediakan kepada Pendaftar UHB di alamat berikut:-

M & C Services Sdn Bhd  
Tingkat 11, Wisma Damansara  
Jalan Semantan  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

Bayaran hendaklah dibuat dalam cara yang dinyatakan di bawah Seksyen 12.3 Prospektus ini bagi jumlah penuh bayaran Saham Tawaran.

Sekiranya penerimaan dan bayaran bagi Saham Tawaran yang diperuntukkan secara sementara kepada Setiap Pemegang Saham Yang Berhak tidak diterima oleh Pendaftar UHB menjelang jam 5.00 petang pada 31 Mac 2000, merupakan hari dan masa terakhir bagi penerimaan dan bayaran, peruntukan sementara tersebut kepada Pemegang Saham Yang Berhak akan dianggap sebagai ditolak dan akan dibatalkan dan Saham Tawaran sedemikian yang tidak diambil akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon bagi saham-saham lebihan.

Tidak ada pengesahan penerimaan Borang Permohonan Baru atau wang permohonan akan dibuat oleh Pendaftar UHB.

### (iii) Pelepasan

Tawaran Untuk Jualan ini adalah atas dasar boleh dilepaskan. Setiap Pemegang Saham Yang Berhak yang berhasrat untuk melepaskan sepenuhnya keberhakan beliau ke atas Saham Tawaran yang diperuntukkan secara sementara kepada beliau dan menjual keberhakan beliau hendaklah mengisi Borang Pelepasan (BORANG R) sahaja dan menyerahkan Borang Permohonan Biru secara keseluruhan kepada pembeli akan keberhakannya. Dalam hal ini, setiap Pemegang Saham yang Berhak hendaklah membetal Borang Penerimaan (BORANG A). Pembeli keberhakan yang ingin melanggan bagi Saham Tawaran hendaklah mengisi Borang Pencalonan (BORANG N).

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

### (iv) Permohonan Saham Lebihan

Setiap Pemegang Saham Yang Berhak yang berhasrat untuk memohon bagi Saham Tawaran tambahan melebihi keberhakan beliau hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Saham Lebihan (BORANG E) yang dikembarkan bersama dengan Borang Permohonan Biru dan menghantarnya dengan bayaran yang berasingan bagi jumlah penuh perlu dibayar ke atas saham-saham lebihan yang dipohon kepada Pendaftar UHB agar sampai tidak lewat dari jam 5.00 petang pada 31 Mac 2000. Bayaran di bawah Borang Permohonan Saham Lebihan hendaklah dibuat dalam cara yang sama yang dinyatakan di atas kecuali bahawa Draf Jurubank, Perintah Juruwang, Kiriman Wang atau Perintah Giro Dijamin hendaklah dibuat atas nama "**UHB-OFFER FOR SALE EXCESS SHARES APPLICATION A/C**".

Para Pengarah UDPB dan Penawar merizabkan hak untuk memperuntukan Saham Tawaran yang dipohon di bawah Borang Permohonan Saham Lebihan dalam cara sebagaimana yang mereka anggap wajar. Adalah menjadi hasrat para Pengarah dan Penawar untuk memperuntukan Saham Tawaran yang disediakan bagi permohonan lebihan (sekiranya ada) dalam cara tertentu agar kejadian lot-lot ganjil akan dikurangkan.

Berhubung dengan permohonan saham lebihan yang tidak berjaya dan lebihan permohonan saham yang berjaya sebahagian sahaja, wang lebihan akan dikembalikan sepenuhnya tanpa faedah dalam tempoh dua puluh (20) hari pasaran dari tarikh penutupan penerimaan dan bayaran bagi Saham Tawaran melalui pos berdaftar ke alamat-alamat yang dinyatakan pada Borang Permohonan Saham Lebihan atas risiko pemohon itu sendiri.

### (v) Pemecahan

Setiap pemegang saham yang berhak yang ingin menerima hanya sebahagian daripada Saham Tawaran yang diperuntukkan secara sementara kepada beliau dan melupuskan beberapa atau kesemua daripada Saham Tawaran yang diperuntukkan secara sementara kepada beliau kepada lebih daripada seorang hendaklah melengkapkan Permintaan bagi Borang Pemecahan (BORANG S) sahaja dan mengembalikan Borang Permohonan Biru, yang ada dilampirkan bersama Prospektus ini, secara keseluruhannya untuk diterima oleh Pendaftar UHB sebelum jam 5.00 petang pada 14 Mac 2000. Borang Permohonan Biru Pemecahan yang kemudiannya akan dihantar kepada Pemegang-pemegang Saham yang Berhak anda tidak akan berhak untuk pemecahan selanjutnya. Pemegang Saham yang Berhak kemudiannya boleh menerima sebahagian daripada keberhakan sementara beliau dan menjual bahagian yang lain atau bahagian-bahagian yang beliau tidak berhasrat untuk menerima atau menjual kesemuanya kepada orang yang berbeza. Arahan-arahan yang sama berhubung dengan penerimaan dan bayaran terpakai kepada Borang Permohonan Biru Pemecahan yang diterima akibat daripada Pemecahan Borang Permohonan Biru asal.

## **12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

Penyerahan Borang Permohonan Biru yang dimaksudkan untuk ditandatangani oleh penerima untukan sementara akan menjadi bukti muktamad dalam memihak kepada Syarikat bagi hak milik pihak yang mendepositkan Borang Permohonan Biru untuk berurusniaga dengannya dan untuk menerima Borang Permohonan Biru Pemecahan sebagai tukaran. Bagi setiap tambahan Borang Permohonan Biru Pemecahan yang dikeluarkan, jumlah sebanyak RM2.00 yang merupakan yuran pemecahan nominal akan dikenakan dan perlu dibayar kepada Pendaftar UHB. Para Pengarah UDPB dan Penawar merizabkan hak untuk menolak apa-apa permintaan bagi Borang Permohonan Biru Pemecahan sekiranya, pada pendapat para Pengarah dan Penawar, Saham Tawaran adalah dinominasi yang tidak munasabah.

### **Akaun CDS**

Selaras dengan Seksyen 25 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, kesemua urusniaga dalam Saham Tawaran akan dibuat secara kemasukan buku melalui Akaun CDS. Tiada sijil saham akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya.

Dalam hal permohonan melalui Borang Permohonan, pemohon hendaklah menyatakan nombor Akaun CDS beliau dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan sekiranya beliau pada masa ini mempunyai akaun sedemikian. Di mana pemohon belum lagi mempunyai Akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan Kod ADA pilihannya dalam ruang yang disediakan.

Semua Saham Tawaran yang akan diterbitkan selaras dengan Tawaran untuk Jualan akan diperuntukkan melalui saham-saham yang dikreditkan ke Akaun CDS. Dengan yang demikian, Pemegang Saham Yang Berhak hendaklah menyatakan nombor Akaun CDSnya atau nombor Akaun CDS nomini bertauliah yang dilantik oleh beliau dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan Biru. Sekiranya nomini bertauliah dilantik oleh Pemegang Saham Yang Berhak bagi tujuan mengreditkan saham-saham yang diterima dan diperuntukkan oleh Pemegang Saham Yang Berhak ke Akaun CDS nomini bertauliah, Pemegang Saham Yang Berhak hendaklah melampirkan satu salinan borang pembukaan Akaun CDS nomini yang telah diterima dengan sewajarnya dengan nomini bertauliah untuk tujuan pengesahan oleh Pendaftar UHB.

Mana-mana orang yang berhasrat untuk membeli keberhakan tertentu sebagai seorang penerima pelepasan hendaklah menyatakan nombor akaun CDSnya di atas mana Saham Tawaran tersebut akan dikreditkan terus sebagai sekuriti deposit ke dalam akaun CDSnya. Lebihan Saham Tawaran yang diperuntukkan kepada Pemegang Saham yang Berhak akan dikreditkan terus ke dalam akaun CDS. **BORANG PERMOHONAN SAHAM LEBIHAN HANYA UNTUK KEGUNAAN OLEH ORANG KEPADA SIAPA BORANG PERMOHONAN BIRU DIALAMATKAN DAN TIDAK BOLEH DIPINDAH.**

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

### Notis Peruntukan

Notis Peruntukan akan dihantar kepada Pemegang Saham Yang Berhak atau penerima pelepasan dalam tempoh dua puluh (20) hari pasaran dari tarikh penutupan tarikh penerimaan dan pembayaran ke alamat-alamat yang dinyatakan pada Borang Permohonan Biru.

MASA DAN TARIKH TERAKHIR BAGI PENERIMAAN DAN BAYARAN BAGI SAHAM TAWARAN AKAN DITUTUP PADA JAM 5.00 PETANG PADA 31 MAC 2000.

#### 12.3.2 Permohonan Bagi Saham Terbitan Awam

Permohonan bagi Saham Terbitan Awam terdiri daripada berikut :-

(i) **Permohonan oleh kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak**

Permohonan bagi 746,000 saham yang dirizabkan untuk kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak hendaklah dibuat pada Borang-borang Permohonan Merah Jambu khas yang disediakan.

(ii) **Permohonan oleh Orang-orang Awam Malaysia**

Permohonan bagi 6,854,000 saham yang disediakan untuk permohonan oleh orang-orang awam, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi Malaysia hendaklah dibuat pada Borang-borang Permohonan Putih yang disediakan.

Senarai permohonan bagi Saham Terbitan Awam akan dibuka pada jam 10.00 pagi pada 31 Mac 2000 dan akan terus dibuka sehingga jam 8.00 malam pada atau tempoh-tempoh selanjutnya yang tertentu sebagaimana para Pengarah UDPB dalam budi bicara mutlak mereka mungkin putuskan.

Hanya satu (1) permohonan bagi Saham Terbitan Awam boleh dibuat oleh setiap pemohon. Permohonan berganda tidak akan diterima. Setiap permohonan hendaklah untuk 1,000 saham atau gandaannya. Jumlah penuh perlu dibayar semasa pernihonan ialah RM1.50 setiap saham. Orang-orang yang mengenukakan permohonan bagi Saham Terbitan Awam melalui Borang-borang Permohonan tidak boleh mengemukakan permohonan melalui Permohonan Saham Elektronik atau sebaliknya. Badan pertubuhan atau institusi tidak dibenarkan memohon bagi saham-saham melalui Permohonan Saham Elektronik.

Borang-borang Permohonan yang telah dilengkapkan bagi Saham Terbitan Awam hendaklah dihantar melalui **POS BIASA** dalam sampul-sampul rasmi yang disediakan, ke MIH di alamat berikut:-

Malaysian Issuing House Sdn Bhd  
Tingkat 27, Menara Multi-Purpose  
Capital Square  
No 8, Jalan Munshi Abdullah  
50100 Kuala Lumpur

atau **DIHANTAR DENGAN TANGAN DAN DIMASUKKAN** dalam Kotak-kotak Masuk yang disediakan di bahagian belakang Menara Multi-Purpose, Capital Square, No 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur, agar sampai tidak lewat dari jam 8.00 malam pada 31 Mac 2000.

## **12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

---

Permohonan boleh juga dihantar dalam cara pandu masuk di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Duta, Kuala Lumpur pada 31 Mac 2000, antara jam 8.30 pagi hingga jam 8.00 malam sahaja

DALAM HAL PEMOHON INDIVIDU SELAIN DARIPADA AHLI ANGGOTA TENTERA ATAU KAKITANGAN POLIS, NAMA, NOMBOR KAD PENGENALAN PENDAFTARAN NEGARA DAN ALAMAT PEMOHON HENDAKLAH SAMA SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM:-

- (a) (i) KAD PENGENALAN PEMOHON ("KP");
  - (ii) KAD PERTUKARAN ALAMAT (RESIT PENUKARAN KAD PENGENALAN JPN 1/22); ATAU
  - (iii) RESIT PENGENALAN SEMENTARA PEMOHON (JPN 1/9) YANG DIKELUARKAN SELARAS DENGAN PERATURAN 5(5), PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN NEGARA 1990; DAN
- (b) REKOD MALAYSIAN CENTRAL DEPOSITORY SDN BHD.

DI MANA PEMOHON MERUPAKAN ANGGOTA TENTERA/KAKITANGAN POLIS, NAMA, DAN NOMBOR ANGGOTA TENTERA/KAKITANGAN POLIS, PEMOHON MENGIKUT KEADAAN, HENDAKLAH SAMA SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM KAD KUASA DAN ALAMAT PEMOHON HENDAKLAH MERUPAKAN ALAMAT KEM/PENGKALAN/STESEN PEMOHON MASING-MASING.

DALAM HAL PEMOHON KORPORAT/INSTITUSI, NAMA DAN SIJIL PEMERBADANAN PEMOHON HENDAKLAH SAMA SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM SIJIL PEMERBADANAN PEMOHON DAN ALAMAT HENDAKLAH SAMA DENGAN ALAMAT BERDAFTAR.

Tiada pengesahan penerimaan Borang-borang Permohonan atau wang permohonan akan dibuat oleh Syarikat.

### **Permohonan dan Penerimaan**

Para Pengarah UDPB merizabkan hak untuk tidak menerima mana-mana permohonan yang tidak mematuhi arahan-arahan atau untuk menerima mana-mana permohonan sebahagian sahaja tanpa memberi sebarang alasan terhadapnya.

PENGEMUKAAN PERMOHONAN TIDAK BERMAKNA BAHAWA PERMOHONAN AKAN BERJAYA.

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

Sekiranya berlaku terlebih langganan oleh orang-orang awam Malaysia, penerimaan permohonan akan tertakluk kepada undian yang akan ditentukan dalam cara sebagaimana yang dihuluskan oleh para Pengarah. Pertimbangan sewajarnya akan diberi kepada hasrat untuk mengagih Saham Terbitan Awam kepada bilangan perohon yang munasabah dengan tujuan untuk meluaskan tapak pemegangan saham Syarikat dan untuk mewujudkan pasaran yang mencukupi dalam Saham-saham Syarikat. Penerimaan permohonan akan dibuat dalam cara agar dapat mematuhi syarat tebaran pemegangan saham SC disemak bahawa sekurang-kurangnya 25% daripada modal yang diterbitkan dan berbayar berada dalam tangan pemegang-pemegang saham awam dan bilangan minimum 750 pemegang saham awam (tidak termasuk kakitangan) memegang tidak lebih daripada 1,000 saham setiap seorang. Pemohon akan dipilih dalam cara yang akan ditentukan oleh para Pengarah UDPB. Sekiranya tebaran pemegangan saham tidak dipenuhi, Syarikat mungkin tidak dibenarkan untuk meneruskan penyenaraianannya.

Sekiranya berlaku terkurang langganan oleh orang-orang awam Malaysia, kesemua saham biasa yang tidak dipohon akan disediakan untuk langganan oleh Penaja-penaja Jamin mengikut perkadarannya yang dinyatakan dalam Perjanjian Taja Jamin bertarikh 18 Februari 2000. Mana-mana saham yang tidak dilanggan oleh kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak akan disediakan untuk permohonan oleh orang-orang awam Malaysia.

**DI MANA PERMOHONAN TIDAK DITERIMA ATAU DITERIMA SEBAHAGIAN SAHAJA, JUMLAH PENUH ATAU BAKI WANG PERMOHONAN MENGIKUT KEADAAN, AKAN DIKEMBALIKAN TANPA FAEDAH DAN AKAN DIHANTAR MELALUI POS BERDAFTAR KEPADA PEMOHON, DALAM TEMPOH DUA PULUH SATU (21) HARI DARI TARikh PENGUNDIAN AKHIR SENARAI PERMOHONAN, KE ALAMAT-ALAMAT YANG DINYATAKAN PADA BORANG PERMOHONAN ATAS RISIKO PEMOHON ITU SENDIRI.**

**MIH MERIZABKAN HAK UNTUK MEMASUKKAN KE DALAM BANK KESEMUA WANG PERMOHONAN DARIPADA PEMOHON-PEMOHON BUMIPUTERA YANG TIDAK BERJAYA DAN DARIPADA PEMOHON-PEMOHON YANG BERJAYA SEBAHAGIAN SAHAJA. WANG YANG DIKEMBALIKAN BERHUBUNG DENGAN PEMOHON-PEMOHON BUMIPUTERA YANG TIDAK BERJAYA DAN PEMOHON-PEMOHON YANG BERJAYA SEBAHAGIAN SAHAJA AKAN DIKEMBALIKAN TANPA FAEDAH DAN AKAN DIHANTAR KEPADA PEMOHON DALAM TEMPOH DUA PULUH SATU (21) HARI DARI TARikh PENGUNDIAN AKHIR SENARAI PERMOHONAN MELALUI POS BERDAFTAR KE ALAMAT-ALAMAT YANG DINYATAKAN PADA BORANG PERMOHONAN ATAS RISIKO PEMOHON ITU SENDIRI.**

**TIADA PERMOHONAN BOLEH DIANGGAP TELAH DITERIMA ATAS ALASAN KIRIMAN WANG TELAH DIKEMUKAKAN UNTUK BAYARAN.**

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

### Akaun CDS

Selaras dengan Seksyen 29 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, semua urusnaga dalam Saham Terbitan Awam akan dibuat secara kemasukan buku melalui Akaun CDS. Tiada sijil saham akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya.

Dalam hal permohonan melalui Borang Permohonan, pemohon hendaklah menyatakan nombor Akaun CDSnya dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan sekiranya pemohon pada masa ini mempunyai akaun sedemikian. Di mana pemohon belum lagi mempunyai Akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan Kod ADA pilihannya dalam ruang yang disediakan.

Sekiranya pemohon yang berjaya gagal untuk menyatakan nombor Akaun CDSnya atau Kod ADA pilihannya, para Pengarah UDPB boleh, atas budi bicara mutlak mereka mengarahkan MIH untuk memasukkan Kod ADA pilihannya pada Borang Permohonan dan seterusnya mengarahkan MCD untuk membuka Akaun CDS bagi pihak pemohon pada ADA yang ditentukan dan mengkreditkan saham-saham yang diperuntukkan kepada pemohon yang berjaya ke dalam Akaun CDS pemohon.

Dalam hal permohonan secara Permohonan Saham Elektronik, hanya pemohon yang mempunyai Akaun CDS boleh membuat Permohonan Saham Elektronik dan pemohon hendaklah menyatakan Nombor Akaun CDSnya kepada Institusi Kewangan yang mengambil Bahagian atau dengan cara memasukkan nombor akaun CDSnya sekiranya arahan pada skrin ATM ketika beliau memasukkan Permohonan Saham Elektronik memerlukan beliau berbuat demikian.

Kegagalan untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan sebagaimana Permohonan Saham Elektronik perlukan atau ketidaktepatan dalam nombor Akaun CDS atau Kod ADA pilihan mungkin mengakibatkan permohonan ditolak. Para Pengarah Syarikat merizabkan hak untuk menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak tepat. Permohonan mungkin juga ditolak sekiranya butir-butir pemohon yang disediakan dalam Borang-borang Permohonan, atau dalam kes Permohonan Saham Elektronik, sekiranya rekod Institusi Kewangan yang mengambil Bahagian pada masa membuat Permohonan Saham Elektronik berbeza dengan yang terdapat dalam rekod MCD, nombor kad pengenalan, nama dan kewarganegaraan.

### Notis Peruntukan

Saham-saham yang diperuntukkan kepada semua pemohon Saham Terbitan Awam yang berjaya akan dikreditkan ke akaun CDS masing-masing. Notis peruntukan yang berjaya akan dihantar kepada pemohon yang berjaya ke alamat-alamat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atas risiko pemohon itu sendiri dalam tiga puluh (30) hari selepas undian akhir permohonan. Bagi Permohonan Saham Elektronik, notis peruntukan akan dihantar kepada pemohon yang berjaya atau berjaya sebahagian ke alamat terakhirnya yang tersimpan dengan MCD atas risiko pemohon sendiri dalam masa tiga puluh (30) hari selepas undian akhir bagi senarai permohonan. Hanya ini sahajalah pengesahaan penerimaan permohonan.

---

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**


---

**Pemformalan Akaun CDS**

Pemohon yang berjaya yang Akaun CDS mereka telah dibuka oleh MCD pada ADA pilihan mereka atau ADA dimasukkan oleh MIH atas arahan Syarikat sekiranya di mana pemohon yang berjaya gagal untuk menyatakan nombor Akaun CDSnya atau kod ADA pilihannya dikehendaki secara formal membuka akaun mereka dengan mengemukakan kepada ADA dokumen-dokumen yang diperlukan dan yuran pembukaan akaun. Tiada urusniaga saham-saham yang dikreditkan ke akaun boleh dilaksanakan sehingga akaun telah dibuka secara formal.

**12.4 Senarai ADA**

Senarai Kod (Broker) ADA adalah seperti berikut:-

Nama	Alamat dan Nombor Telefon	Kod ADA
<b><u>KUALA LUMPUR</u></b>		
AFFIN-UOB SECURITIES SDN BHD	Aras 3, Menara Keck Seng 203, Jalan Bukit Bintang 55100 Kuala Lumpur No Tel: 03-2438668	028-001
ARAB-MALAYSIAN SECURITIES SDN BHD	Tingkat 15, Bangunan Arab-Malaysian 55 Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2382788	086-001
BBMB SECURITIES SDN BHD	Aras 2, 3, 4 & 17 Peti Surat No. 2 Menara Olympia 8 Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2019900	099-001
BIMB SECURITIES SDN BHD	Tingkat 1 & 2 Blok Podium, Bangunan AMDDB 1, Jalan Lumut 50350 Kuala Lumpur No Tel: 03-4433533	024-001
CIMB SECURITIES SDN BHD	Tingkat 9, Commerce Square Jalan Semantan Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur Peti Surat 10126 50704 Kuala Lumpur No Tel: 03-2532288	065-001
FIMA SECURITIES SDN BHD	No 45 ~14, Aras Plaza & Aras 1 Plaza Damansara Jalan Medan Setia Satu Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur No Tel: 03-2549966	018-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

Nama	Alamat dan Nombor Telefon	Kod ADA
HLG SECURITIES SDN BHD <i>(dahulunya dikenali sebagai Zalik Securities Sdn Bhd)</i>	Tingkat 21, Wisma HLA Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2452998	066-001
INTER-PACIFIC SECURITIES SDN BHD	Aras 7, Menara Shahzan Insas 30, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur No Tel: 03-2441888	054-001
JUPITER SECURITIES SDN BHD	Tingkat 7 - 9, Menara Olympia 8, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2041888	055-001
KUALA LUMPUR CITY SECURITIES SDN BHD	3.07 Aras 3 Bangunan Angkasaraya Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur No Tel: 03-2449322	076-001
K & N KENANGA BERHAD <i>(dahulunya dikenali sebagai K &amp; N Kenanga Sdn Bhd)</i>	Tingkat 8, Bangunan Pernas International 801, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur No Tel: 03-2613066	073-001
LEONG & COMPANY SDN BHD	Aras 18, Wisma Cyclecarri 288, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur Peti Surat 10943 50730 Kuala Lumpur No Tel: 03-2928888	061-001
MAYBAN SECURITIES SDN BHD	Tingkat 30, Menara Maybank 100, Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur No Tel: 03-2323822	098-001
MGI SECURITIES SDN BHD	Tingkat 1 & 2, Wisma MGIC 38, Jalan Dang Wangi 50100 Kuala Lumpur No Tel: 03-2911889	052-001
MIDF SISMA SECURITIES SDN BHD	Tingkat 17 & 18, Empire Tower 182, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur Tel: No. 03-2668888	026-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

<b>Nama</b>	<b>Alamat dan Nombor Telefon</b>	<b>Kod ADA</b>
OSK SECURITIES BHD	Tingkat 10, Plaza OSK Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur No Tel: 03-2624388	056-001
PB SECURITIES SDN BHD	Tingkat 27, Bangunan Public Bank 6, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur No Tel: 03-2013011	051-001
PENGKALEN SECURITIES SDN BHD	Tingkat Bawah Mezanin & Tingkat 1 Menara Pengkalan ( <i>dahulunya dikenali sebagai "Wisma Pekerti"</i> ) No. 2, Jalan Changkat Ceylon 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2448055	064-001
RASHID HUSSAIN SECURITIES SDN BHD	Aras 1,2,3 dan 5, Tower One RHB Centre, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur No Tel: 03-9852233	087-001
KAF-SEAGROATT & CAMPBELL SECURITIES SDN BHD	Tingkat 26 - 30, The Weld Tower 76, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur No Tel: 03-2081600	053-001
SIME SECURITIES SDN BHD	Tingkat 21, Bangunan Sime Bank 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur No Tel: 03-2749288	097-001
TA SECURITIES BHD	TA One Tower 22, Jalan P. Ramlee 50250 Kuala Lumpur No Tel: 03-2321277	074-001
<b><u>SELANGOR DARUL EHSAN</u></b>		
AMSTEEL SECURITIES (M) SDN BHD	No. 1, Lintang Pekan Baru (Tingkat 2, 3 & 4), Off Jalan Meru 41050 Klang Selangor Darul Ehsan No Tel: 03-3439999	080-001
HALIM SECURITIES SDN BHD	68, Jalan 52/6 New Town Centre Peti Surat 561 46770 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan No Tel: 03-7555777	091-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

Nama	Alamat dan Nombor Telefon	Kod ADA
HWANG-DBS SECURITIES BERHAD	Tingkat 16, 18 - 20, Plaza Masalam 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah E9/E, Seksyen 9 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan  No Tel: 03-5533288	068-002
JF APEX SECURITIES SDN BHD	Tingkat 3, Wisma Apex 145A-C Jalan Bukit Peti Surat 16 43007 Kajang Selangor Darul Ehsan  No Tel: 03-8361118	079-001
MOHAIYANI SECURITIES SDN BHD	Tingkat 2 & 3 Plaza Damansara Utama 2, Jalan SS21/60 Damansara Utama 47400 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan  No Tel: 03-7197345	095-001
SJ SECURITIES SDN BHD	Aras 3, Holiday Villa No 9, Jalan SS 12/1 Subang Jaya 47500 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan  No Tel: 03-7340101	096-001
<b>MELAKA</b>		
MALACCA SECURITIES SDN BHD	No. 1, 3 & 5, Jalan PPM 9 Plaza Pandan Malim (Business Park) Balai Panjang Peti Surat 248 75250 Melaka  No Tel: 06-3371533	012-001
OCBC SECURITIES (MALACCA) SDN BHD	579, 579A & 579B Taman Melaka Raya 75000 Melaka  No Tel: 06-2825211	072-001
STRAITS SECURITIES SDN BHD	Lot 9 & 10, Tingkat 1 Bangunan Tabong Haji Jalan Bandar Kaba Peti Surat 209 75740 Melaka  No Tel: 06-2833622	011-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

Nama	Alamat dan Nombor Telefon	Kod ADA
<b><u>PERAK DARUL RIDZUAN</u></b>		
BOTLY SECURITIES SDN BHD	Tingkat 1, Plaza Teh Teng Seng 227, Jalan Kampar 30250 Ipoh Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-2531313	058-001
KIN KHOON & CO SDN BHD	23 & 25, Wisma Kota Emas Jalan Dato' Tahwil Azhar Peti Surat 421 30910 Ipoh Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-2543311	017-001
MBF NORTHERN SECURITIES SDN BHD	No. 71, Jalan Lim Bo Seng 30300 Ipoh Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-2548999	067-001
M & A SECURITIES SDN BHD	Bangunan M & A 52A, Jalan Sultan Idris Shah 30000 Ipoh Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-2419800	057-001
PHILEO ALLIED SECURITIES SDN BHD	63, Persiaran Greenhill 30450 Ipoh Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-2558233	071-001
SBB SECURITIES SDN BHD	51-53, Persiaran Greenhill 30450 Ipoh Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-2530888	090-001
TAIPING SECURITIES SDN BHD	21, Jalan Stesen 30400 Taiping Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-8089229	092-001
PREMIER CAPITAL SECURITIES SDN BHD	Wisma Premier Capital 21-25, Jalan Seenvivasagam 30450 Ipoh Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-2415100	082-001
<b><u>PULAU PINANG</u></b>		
A.A. ANTHONY & COMPANY SDN BHD	No. 41-1-1 & 41-2-1 Jalan Cantonment 10250 Pulau Pinang No Tel: 04-2299318	014-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

<b>Nama</b>	<b>Alamat dan Nombor Telefon</b>	<b>Kod ADA</b>
HWANG-DBS SECURITIES BERHAD	Aras 2, 3, 4, 7 & 8, Wisma Sri Pinang 60, Green Hall 10200 Pulau Pinang No Tel: 04-2636996	068-001
KE-ZAN SECURITIES SDN BHD	Wisma Ke-Zan 64, Bishop Street 10200 Pulau Pinang No Tel: 04-2634222	085-001
MERCURY SECURITIES SDN BHD	Tingkat 2, Wisma UMNO Lorong Bagan Luar Dua 12000 Butterworth Seberang Prai Pulau Pinang No Tel: 04-3322123	093-001
SMITH ZAIN SECURITIES SDN BHD	Tingkat 7 & 8, Wisma PSCI 39, Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Pulau Pinang No Tel: 04-2283355	016-001
SOON THEAM SECURITIES SDN BHD	No. 111, Jalan Macalister 10400 Pulau Pinang No Tel: 04-2281868	060-001
THONG & KAY HIAN SECURITIES SDN BHD	Aras 5 & 6, Wisma Sri Pinang 60 Green Hall 10200 Pulau Pinang No Tel: 04-2635481	070-001
UT SECURITIES SDN BHD	Tingkat 12, Bangunan Mayban Trust 3, Penang Street 10200 Pulau Pinang No Tel: 04-2626644	059-001
<b><u>KEDAH DARUL AMAN</u></b>		
ALOR SETAR SECURITIES SDN BHD	Lot T-30, Tingkat 2, Wisma PKNK Jalan Sultan Badlishah 05000 Alor Setar Kedah Darul Aman No Tel: 04-7318088	094-001
<b><u>PERLIS INDRA KAYANGAN</u></b>		
UPEN SECURITIES SDN BHD	Tingkat 2, Blok Podium Bangunan KWSP 01000 Kangar Perlis Indra Kayangan No Tel: 04-9766315	023-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

Nama	Alamat dan Nombor Telefon	Kod ADA
<b><u>NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS</u></b>		
PAN MALAYSIA EQUITIES SDN BHD	Tingkat 2, 9 & 10, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan Jalan Yam Tuan 70000 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus No Tel: 06-7638999	084-001
MALPAC SECURITIES SDN BHD <i>(dahulunya dikenali sebagai Seremban Securities Sdn Bhd)</i>	Tingkat 1, 2 & 3 19, 20 & 21, Jalan Kong San 70000 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus No Tel: 06-7623131	063-001
<b><u>JOHOR DARUL TAKZIM</u></b>		
ENG SECURITIES SDN BHD	95, Jalan Tun Abdul Razak 80000 Johor Bahru Johor Darul Takzim No Tel: 07-2231211	081-001
JB SECURITIES SDN BHD	Aras 6 ,7 & 8 Menara Sarawak Enterprise No 5, Jalan Bukit Meldrum 80300 Johor Bahru Johor Darul Takzim No Tel: 07-3332000 / 3332800	078-001
KESTREL SECURITIES SDN BHD <i>(dahulunya dikenali sebagai MBf Securities Sdn Bhd)</i>	No. 57, 59 & 61 Jalan Ali 84000 Muar Johor Darul Takzim No Tel: 06-9532222	088-001
PENINSULA SECURITIES SDN BHD	Aras 2, Menara Pelangi Jalan Kuning Taman Pelangi 80400 Johor Bahru Johor Darul Takzim No Tel: 07-3333600	077-001
PJB PACIFIC SECURITIES SDN BHD	Podium 2A & 3, Menara Ansar 65, Jalan Trus 80000 Johor Bahru Johor Darul Takzim No Tel: 07-2222692	027-001
SOUTH JOHORE SECURITIES SDN BHD	Tingkat 3, Komplek Penggaram 1, Jalan Abdul Rahman 83000 Batu Pahat Johor Darul Takzim No Tel: 07-4317033	069-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

Nama	Alamat dan Nombor Telefon	Kod ADA
<b><u>PAHANG DARUL MAKMUR</u></b>		
WK SECURITIES SDN BHD	A-397, A-399 & A-401 Taman Sri Kuantan III Jalan Berserah 25300 Kuantan Pahang Darul Makmur No Tel: 09-5660800	083-001
<b><u>KELANTAN DARUL NAIM</u></b>		
KOTA BAHRU SECURITIES SDN BHD	298, Jalan Tok Hakim 15000 Kota Bahru Kelantan Darul Naim No Tel: 09-7433388	075-001
<b><u>TERENGGANU DARUL IMAN</u></b>		
FA SECURITIES SDN BHD	Tingkat 3, Wisma UMNO Jalan Masjid Abidin 20100 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman No Tel: 09-6238128	021-001
PTB SECURITIES SDN BHD	Tingkat 1, 2 & 3 No. 61, Jalan Sultan Ismail Peti Surat 151 Pejabat Pos Besar 20700 Kuala Lumpur Terengganu Darul Iman No Tel: 09-6235546	025-001
<b><u>SARAWAK</u></b>		
SARAWAK SECURITIES SDN BHD	Wisma Mahmud Jalan Sungai Sarawak 93100 Kuching Sarawak No Tel: 082-338000	019-001
SARAWAK SECURITIES SDN BHD	Lot 2465, Jalan Boulevard Utama Boulevard, Commercial Centre 98000 Miri Sarawak No Tel: 085-435577	019-002
<b><u>WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</u></b>		
LABUAN SECURITIES SDN BHD	Aras 2, Wisma Oceanic Jalan OKK Awang Besar 87007 Wilayah Persekutuan Labuan No Tel: 087-410621	022-001

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

Nama	Alamat dan Nombor Telefon	Kod ADA
<b>SABAH</b>		
INNOSABAH SECURITIES SDN BHD	11 Equity House, Blok K Sadong Jaya Karamunsing 88100 Kota Kinabalu Sabah No Tel: 6088-234099	020-001

**12.5 Terma-terma dan Syarat-syarat bagi Permohonan Saham Elektronik bagi Saham Terbitan Awam**

Tatacara bagi Permohonan Saham Elektronik pada ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dibentang pada skrin ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian berkenaan ("Langkah-langkah"). Bagi tujuan ilustrasi, tatacara bagi Permohonan Saham Elektronik di ATM dinyatakan dalam "Langkah-langkah untuk Permohonan Saham Elektronik melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian" dalam Seksyen 12.6 Prospektus ini. Langkah-langkah membentangkan tindakan-tindakan yang mesti diambil oleh pemohon di ATM untuk melengkapkan Permohonan Saham Elektronik. Sila baca dengan teliti terma-terma Prospektus ini, Langkah-langkah dan terma-terma dan syarat-syarat bagi Permohonan Saham Elektronik yang dibentangkan di bawah sebelum membuat Permohonan Saham Elektronik. Sebarang rujukan kepada "pemohon" dalam terma-terma dan syarat-syarat bagi Permohonan Saham dan Langkah-langkah akan bermaksud pemohon yang memohon bagi saham-saham ATM mana-mana Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian.

Dalam hal Permohonan Saham Elektronik, hanya pemohon yang merupakan seorang individu yang mempunyai akaun CDS layak untuk menggunakan kemudahan ini.

Pemohon hendaklah mempunyai akaun sedia ada dengan, dan menjadi pemegang kad ATM, salah sebuah Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian sebelum beliau boleh membuat Permohonan Saham Elektronik di Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian tersebut. Kad ATM yang dikeluarkan oleh salah sebuah Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian tidak boleh diguna untuk memohon saham-saham di ATM kepunyaannya Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian yang lain. Apabila selesai transaksi Permohonan Saham Elektronik, pemohon akan menerima penyata transaksi dicetak komputer ("Rekod Transaksi"), mengesahkan butir-butir Permohonan Saham Elektronik beliau. Rekod Transaksi hanyalah satu rekod transaksi yang dilengkapi di ATM dan bukan rekod penerimaan Permohonan Saham Elektronik atau mana-mana data berhubung dengan Permohonan Saham Elektronik sedemikian oleh Syarikat atau Rumah Terbitan. Rekod Transaksi adalah untuk simpanan oleh pemohon dan tidak seharusnya dikemukakan dengan mana-mana Borang Permohonan.

Apabila penutupan tawaran bagi permohonan untuk Saham Terbitan Awam pada 31 Mac 2000 pada 8.00 pagi ("Tarikh dan Masa Penutupan"), Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian hendaklah menyerahkan pita bermagnet yang mengandungi permohonan pelanggan-pelanggannya masing-masing untuk Saham Terbitan Awam kepada MIH secepat mungkin tetapi tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari perniagaan 2 selepas Tarikh dan Masa Penutupan.

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

Seseorang pemohon akan dibenarkan untuk membuat Permohonan Saham Elektronik bagi saham-saham melalui ATM yang menerima kad ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dengan siapa beliau mempunyai akaun dan cawangan-cawangan, tertakluk kepada pemohon membuat hanya satu permohonan. Pemohon yang mempunyai akaun bank dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dan telah mempunyai kad ATM akan dibenarkan untuk memohon bagi saham-saham melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian yang mana tertakluk dalam lain-lain negara atau tempat di luar Malaysia, tertakluk kepada pemohon membuat hanya satu permohonan.

**PEMOHON HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHWA BELIAU MENGGUNA NOMBOR AKAUN CDS SENDIRI APABILA MEMBUAT PERMOHONAN SAHAM ELEKTRONIK. SESEORANG PEMOHON YANG MEMPUNYAI AKAUN BERSAMA DENGAN MANA-MANA INSTITUSI KEWANGAN YANG MENGAMBIL BAHAGIAN HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHWA BELIAU TELAH MEMASUKKAN NOMBOR AKAUN CDS BELIAU SENDIRI APABILA MENGGUNA KAD ATM YANG DIKELUARKAN KEPADA BELIAU ATAS NAMA BELIAU SENDIRI. PERMOHONAN BELIAU AKAN DITOLAK SEKIRANYA BELIAU GAGAL UNTUK MEMATUHI SYARAT-SYARAT DI ATAS.**

Permohonan Saham Elektronik hendaklah dibuat di atas, dan tertakluk kepada, terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Seksyen 12.2 serta juga terma-terma dan syarat-syarat yang kelihatan di bawah:-

- (a) Permohonan Saham Elektronik hendaklah dibuat berhubung dengan dan tertakluk kepada terma-terma Prospektus ini dan Memorandum dan Tataurus Pertubuhan Syarikat.
- (b) Pemohon diperlukan untuk mengesahkan kenyataan berikut (dengan menekan kekunci (atau butang) pada papan kckundi ATM terlebih dahulu dan mengakujanji bahawa maklumat yang diberi adalah benar dan tepat):-
  - Saya telah mencapai usia 18 tahun pada tarikh penutup permohonan saham;
  - Saya adalah warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia;
  - Saya telah membaca Prospektus berkenaan dan memahami serta bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat permohonan ini;
  - Inilah sahaja satu-satu permohonan yang saya kemukakan; dan
  - Saya dengan ini memberi kebenaran pada Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dan MCD untuk mendedah maklumat berhubung dengan diri saya dan akaun saya dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dan MCD kepada MIH dan pihak-pihak berkuasa berkenaan lain.

Permohonan tidak akan dilengkapi dengan berjaya dan tidak boleh dicatat sebagai rekod transaksi yang diselcsaikan pada ATM melainkan pemohon melengkapi kesemua langkah yang diperlukan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian. Dengan berbuat demikian, pemohon akan dianggap sebagai menandakan pengesahan beliau akan ke setiap kenyataan yang dibuat di atas serta juga memberi kebenaran selaras dengan undang-undang Malaysia termasuk Seksyen 97 Perbankan dan Akta Institusi Kewangan 1989 dan Seksyen 45 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 kepada pendedahan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian masing-masing atau MCD, mengikut keadaan, akan apa-apa maklumat pemohon kepada MIH, atau mana-mana pihak-pihak berkuasa berkenaan lain.

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

- (c) PEMOHON MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU TIDAK MEMOHON BAGI SAHAM-SAHAM SEBAGAI PENAMA MANA-MANA ORANG LAIN AN BAHAWA MANA-MANA PERMOHONAN SAHAM ELEKTRONIK YANG BELIAU BUAT ADALAH DIBUAT OLEH BELIAU SEBAGAI PEMILIK BENEFISIAL. PEMOHON AKAN HANYA DIBENARKAN MEMBUAT SATU PERMOHONAN SAHAM ELEKTRONIK DAN TIDAK BOLEH MEMBUAT MANA-MANA PERMOHONAN LAIN BAGI SAHAM-SAHAM TAWARAN SAMA ADA DI MANA-MANA ATM INSTITUSI KEWANGAN YANG MENGAMBIL BAHAGIAN ATAU PADA BORANG-BORANG PERMOHONAN YANG DITETAPKAN.
- (d) Pemohon hendaklah mempunyai simpanan yang mencukupi dalam akaun beliau dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian masing-masing pada masa beliau membuat Permohonan Saham Elektroniknya, jikalau tidak Permohonan Saham Elektronik tidak akan lengkap. Mana-mana Permohonan Saham Elektronik yang tidak mematuhi dengan ketat aahan-arahan yang dibentang pada skrin ATM melalui mana Permohonan Saham Elektronik dibuat akan ditolak.
- (e) Pemohon bersetuju dan mengakujanji untuk melanggan atau membeli dan untuk menerima bilangan saham yang dipohon sepetimana yang dinuatakan pada Rekod Transaksi atau apa-apa bilangan saham yang kurang yang mungkin diperuntukkan atau diuntukkan kepada beliau berhubung dengan Permohonan Saham Elektroniknya. Jika sekiranya Syarikat memutuskan untuk memperuntukkan atau menguntukkan mana-mana bilangan yang lebih kecil daripada saham-saham sedemikian atau untuk tidak memperuntukkan atau menguntukkan mana-mana saham kepada pemohon-pemohon, pemohon-pemohon bersetuju untuk menerima keputusan sedemikian sebagai muktamad. Sekiranya Permohonan Saham Elektronik pemohon berjaya, pengesahan beliau (melalui tindakan bilangan saham yang mungkin diperuntukkan atau diuntukkan kepada beliau dan untuk menjadi terikat oleh Memorandum dan Tataurus Pertubuhan Syarikat).
- (f) Syarikat merizabkan hak untuk menolak mana-mana Permohonan Saham Elektronik atau menerima mana-mana Permohonan Saham Elektronik sebahagian sahaja tanpa memberi sebarang alasan terhadapnya. Pertimbangan sewajarnya akan diberikan kepada hasrat memperuntukkan atau menguntukkan saham-saham kepada bilangan pemohon yang munasabah dengan tujuan untuk mewujudkan pasaran mencukupi bagi saham-saham.
- (g) Di mana Permohonan Saham Elektronik tidak berjaya atau berjaya sebahagian sahaja, Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian berkenaan akan dimaklumkan mengenai ketakberjayaan atau berjayaan sebahagian tersebut. Di mana Permohonan Saham Elektronik tidak berjaya, Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian akan mengkredit jumlah penuh wang permohonan tanpa faedah ke dalam akaun pemohon dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian tersebut dalam masa dua (2) hari pasaran selepas penerimaan pengesahan dari MIH. MIH akan memaklumkan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian akan penerimaan atau penerimaan sebahagian permohonan dalam masa dua (2) hari pasaran selepas tarikh pengundian. Pemohon boleh memeriksa akaun mereka pada hari kelima dari tarikh pengundian.

---

**12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**


---

Di mana Permohonan Saham Elektronik diterima sebahagian sahaja, Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian akan mengkredit baki wang permohonan tanpa faedah ke dalam akaun pemohon dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian tersebut dalam masa dua (2) hari pasaran selepas penerimaan pengesahan dari MIH. Beberapa permohonan bagaimanapun, akan dipegang sebagai rizab untuk mengganti mana-mana permohonan yang berjaya diundi yang selepas itu ditolak. Untuk permohonan sedemikian yang selepas itu ditolak, wang permohonan tanpa faedah akan dipulangkan kepada pemohon berkenaan oleh MIH. Cek-cek akan dikeluarkan tiak lebih dari 21 hari dari hari pengundian akhir senarai permohonan.

Sekiranya pemohon-pemohon menghadapi apa-apa masalah dalam permohonan mereka, mereka boleh merujuk kepada Institusi-institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian.

- (h) Pemohon meminta dan memberitahu Syarikat:-
  - (i) untuk mengkredit saham-saham yang diperuntukkan atau diintarkan kepada pemohon ke dalam akaun CDS pemohon; dan
  - (ii) untuk menerbitkan sijil (sijil-sijil) mewakili saham yang diperuntukkan tersebut dalam nama MCD Nominees Sdn Bhd dan menghantar yang sama kepada MCD.
- (i) Pemohon, dengan mengakui bahawa Permohonan Saham Elektronik beliau adalah tertakluk kepada risiko-risiko elektrik, elektronik, teknikal dan akibat kerosakan berkaitan komputer, kebakaran dan lain-lain peristiwa di luar kawalan Syarikat, MIH atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian, dengan tanpa boleh dibatal bersetuju bahawa sekiranya:-
  - (i) Syarikat atau MIH tidak menerima Permohonan Saham Elektronik pemohon; dan
  - (ii) data berhubung dengan Permohonan Saham Elektronik pemohon hilang keseluruhannya atau sebahagiannya, dikorup atau sebaliknya tidak boleh diakses, atau tidak ditransmit atau dikomunikasikan kepada Syarikat atau MIH.pemohon akan dianggap sebagai tidak membuat Permohonan Saham Elektronik dan pemohon tidak akan menuntut apa-apa pun daripada Syarikat, MIH atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian bagi saham-saham yang dipohon atau untuk apa-apa pampasan, kerugian atau ganti rugi.
- (j) Kesemua maklumat pemohon dalam rekod Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian berkenaan pada masa beliau membuat Permohonan Saham Elektroniknya akan dianggap sebagai benar dan betul dan Syarikat, MIH dan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian yang berkenaan akan berhak untuk bergantung epada ketepatannya.
- (k) Pemohon hendaklah memastikan bahawa maklumat peribadinya sebagaimana dicatat oleh kedua-dua MCD dan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian berkenaan adalah betul dan serupa. Jikalau tidak Permohonan Saham Elektronik beliau berkemungkinan ditolak. Pemohon hendaklah memaklumkan MCD dengan segera mengenai apa-apa perubahan dalam alamat jikalau tidak surat pemberitahuan mengenai peruntukan yang berjaya akan dihantar ke alamat berdaftarnya yang terakhir disimpan oleh MCD.

## 12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)

- (l) Dengan membuat dan melengkapi Permohonan Saham Elektronik, pemohon bersetuju bahawa:-
- (i) sebagai balasan Syarikat bersetuju untuk memberar dan menerima pembuatan mana-mana permohonan bagi mana-mana saham melalui kemudahan Permohonan Saham Elektronik yang diwujudkan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian di ATM masing-masing. Permohonan Saham Elektronik beliau tidak boleh dibatalkan;
  - (ii) Syarikat, Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian, MCD dan MIH tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan, kegagalan atau ketidaktepatan dalam pemprosesan data berhubung dengan Permohonan Saham Elektronik beliau kepada Syarikat akibat daripada kerosakan atau kegagalan transmisi atau kemudahan komunikasi atau mana-mana kausa di luar kawalan mereka;
  - (iii) tidak mengambil kira penerimaan mana-mana bayaran oleh atau bagi pihak Syarikat, penerimaan tawaran yang dibuat oleh pemohon untuk melanggan bagi dan membeli saham-saham untuk yang mana Permohonan Saham Elektronik pemohon telah berjaya dilengkapi akan diwakili melalui notis peruntukan berjaya bagi sekuriti yang ditetapkan, berhubung dengan saham-saham tersebut;
  - (iv) pemohon tanpa boleh dibatalkan membenarkan MCD untuk mengisi dan menandatangani bagi pihaknya sebagai penerima pindahan atau penerima pelepasan mana-mana suratcara pemindahan dan/atau lain-lain dokumen yang diperlukan untuk penerbitan atau pemindahan saham-saham yang diperlukan atau diuntukkan kepada pemohon; dan
  - (v) Syarikat bersetuju bahawa, berhubung dengan mana-mana tindakan undang-undang atau prosiding yang timbul daripada atau berhubung dengan kontrak di antara pihak-pihak dan/atau Skim Perniohanan Saham Elektronik dan/atau mana-mana terma dalam syarat-syarat ini, kesemua hak, obligasi dan liabiliti akan ditakrif dan ditentukan mengikut undang-undang Malaysia dan dengan kesemuanya arahan, kaedah, peraturan dan notis-notis daripada badan-badan berperaturan dan bahawa Syarikat dengan tanpa boleh dibatal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
- (m) Para Pengarah Syarikat merizabkan hak untuk memerlukan mana-mana pemohon yang berjaya untuk hadir sendiri pada pejabat berdaftar MIH dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis dikeluarkan kepada beliau untuk memastikan keteraturan atau keempunyaannya permohonan. Para Pengarah Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau ketidakterinjamnotis tersebut tidak juga mereka perlu mengakaunkan bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh pemohon yang berjaya bagi tujuan mematuhi peruntukan ini.
- (n) Para Pengarah Syarikat merizabkan untuk menolak mana-mana permohonan yang tidak mematuhi arahan-arahan ini.

## **12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMB)**

- (o) Permohonan Saham Elektronik boleh juga dibuat melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dan cawangan-cawangan mereka yang berikut:-
- ARAB-MALAYSIAN BANK BERHAD (295576-U);
  - ARAB-MALAYSIAN FINANCE BERHAD (5493-X);
  - BUMIPUTRA-COMMERCE BANK BERHAD (13491-P);  
(di cawangan-cawangan terpilih di Lembah Klang sahaja)
  - HSBC BANK MALAYSIA BERHAD (127776-V);
  - MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K);
  - MAYBAN FINANCE BERHAD (3905-T);
  - OCBC BANK (MALAYSIA) BERHAD (5493-X);
  - ORIENTAL BANK BERHAD (845-W);
  - STANDARD CHARTERED MALAYSIA BANK BERHAD (115793-P).  
(di cawangan-cawangan terpilih sahaja)
- (p) Bayaran RM2.50 setiap Permohonan Saham Elektronik akan dikenakan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian masing-masing.

### **12.6 Langkah-langkah untuk Permohonan Saham Elektronik melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian**

- (a) Pemohon hendaklah mempunyai akaun dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dan Kad ATM yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian tersebut untuk mengakseskan akaun.
- (b) Pemohon hendaklah mempunyai akaun CDS.
- (c) Pemohon hendaklah memohon bagi Saham IPO melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dengan memilih opsyen Permohonan Saham Elektronik. Beberapa kenyataan Mandatori yang diperlukan dibentangkan dalam Seksyen 12.5 di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat bagi Permohonan Saham Elektronik untuk saham-saham Terbitan Awam. Pemohon hendaklah memasuki sekurang-kurangnya maklumat berikut melalui ATM di mana arahan pada skrin ATM ketika beliau memasuki Permohonan Elektronik beliau dikehendaki berbuat demikian:-
- Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)
  - Nombor Terbitan Awam
  - Nombor Akaun CDS
  - Bilangan saham dipohon dan/atau jumlah ringgit yang didebitkan daripada akaun
  - Pengesahan beberapa kenyataan Mandatori